

**Siaran Akhbar**  
**24 Mei 2022**

## **EKUINAS MEMPERTINGKAT USAHA PENCIPTAAN NILAI DAN DIGITALISASI, MEMBERIKAN PERTUMBUHAN POSITIF UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN**

**Sorotan utama:** -

- Dana Ekuinas Direct (Tranche II) mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM654.0 juta, menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 12.1% dan IRR bersih sebanyak 8.6%.
- Pada Tahun Kewangan (TK) 2021, jumlah pelaburan kumulatif Ekuinas berjumlah RM4.4 bilion yang terdiri daripada 70 pelaburan dan seterusnya menjana Jumlah Penggunaan Ekonomi sebanyak RM5.0 bilion, bersama-sama dengan rakan sektor swasta.
- Melalui pelaburan-pelaburan tersebut, Ekuinas juga telah meningkatkan pemilikan ekuiti keseluruhan Bumiputera kepada RM5.9 bilion, bersamaan dengan 1.5 kali ganda modal yang dilaburkan serta Nilai Jumlah Pemegang Saham sebanyak RM7.7 bilion, atau 2.0 kali ganda modal yang dilaburkan.

**KUALA LUMPUR, 24 MEI 2022:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), iaitu syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian (PE), hari ini mengumumkan laporan tahunannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021), yang mengesahkan komitmennya untuk memberikan nilai kepada pihak berkepentingan dan melaksanakan mandatnya untuk meningkatkan ekuiti dan penyertaan Bumiputera meskipun dalam landskap ekonomi yang mencabar.

Dari segi pelaburan langsung, Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan Pulangan Portfolio Kasar RM654.0 juta, menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 12.1% setahun dan IRR bersih tahunan sebanyak 8.6%, menandakan peningkatan ketara berbanding tahun lepas yang menyaksikan Dana mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM571.2 juta. Sementara itu, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund merekodkan Kerugian Portfolio Kasar sebanyak RM125.3 juta, atau IRR Kasar tahunan negatif 4.3%. Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund masih di peringkat awal pelaburan dan dijangka akan memberi prestasi baik disokong oleh prestasi kukuh aset asasnya, Medispec (M) Sdn Bhd, pengedar dan pemasar terkemuka produk farmaseutikal

dan suplemen tempatan. Pelaburan yang dibentuk pada Februari 2021 menandakan penglibatan pertama Ekuinas dalam industri farmaseutikal.

Mengenai pelaburan penyumberan luarnya, Ekuinas Outsourced (Tranche I) merekodkan Pulangan Portfolio Kasar sebanyak RM60.5 juta, seterusnya mencapai IRR Kasar tahunan sebanyak 3.3% dan IRR bersih tahunan sebanyak 2.5%, manakala Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) mencatatkan Kerugian Portfolio Kasar RM4.4 juta, atau IRR Kasar tahunan negatif 0.8%.

Bagi tahun di bawah kajian, Ekuinas merekodkan pertumbuhan hasil disatukan sebanyak 12.1% dan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak 28.0%, mengatasi prestasi TK2020 sebanyak -12.8% dan -14.9%.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengurus Ekuinas berkata, "Sebagai seorang pelabur PE, meskipun tahun 2021 ini telah menguji daya tahan Ekuinas memandangkan persekitaran ekonomi yang mencabar disebabkan oleh penularan wabak yang juga mengakibatkan pelbagai kekangan dan sekatan , namun Ekuinas kekal aktif dalam usaha untuk mengekalkan prestasi portfolio kami dan mencipta nilai jangka panjang untuk pelabur, syarikat, orang ramai dan komuniti."

"Sempena ulang tahun ke-13 Ekuinas, kami bersyukur atas sokongan industri dan kerja keras para kakitangan Ekuinas dan kakitangan syarikat portfolio kami, tahun ini membuktikan keupayaan Ekuinas kian gigih mengharungi cabaran persekitaran ini melalui pelaksanaan pelan kesinambungan perniagaan yang teguh tertumpu ke arah membina daya tahan, memaksimumkan operasi di bawah pelbagai sekatan dan memanfaatkan struktur pembendungan kos yang telah disempurnakan pada 2020."

"Selain daripada objektif ekonomi, pencapaian objektif sosial turut penting dalam melaksanakan mandat kami. Pada TK2021, Ekuinas berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam syarikat portfolio kami kepada RM5.9 bilion, bersamaan 1.5 kali ganda modal yang dilaburkan, berbanding RM5.6 bilion pada 2020. Kami juga telah membantu meningkatkan jumlah pengurus dan kakitangan Bumiputera sebanyak 19.4% untuk pengurus Bumiputera dan 12.3% untuk kakitangan Bumiputera, masing-masing meningkat daripada 13.3% dan 10.5% pada 2020. Ini telah menyumbang ke arah meningkatkan Nilai Jumlah Pemegang Saham bagi syarikat portfolio kepada RM7.7 bilion, atau 2.0 kali ganda daripada jumlah pelaburan berbanding RM7.0 bilion modal yang dilaburkan pada tahun sebelumnya.

Ini mencerminkan kejayaan Ekuinas dalam memanfaatkan model perniagaan PE untuk mempromosikan penghasilankekayaan untuk Bumiputera dan semua rakyat Malaysia," tambah Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad.

Syed Yasir Arafat, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas yang membentangkan laporan terperinci TK2021 berkata, "2021 sudah semestinya merupakan tahun perubahan dan adaptasi yang berterusan – tahun yang mencabar daya tahan, ketangkasaran, disiplin dan menyaksikan dorongan ke arah pendigitalan yang lebih meluas lalu mempertingkatkan inovasi dalam semua industri termasuk Ekuiti Persendirian. Akibat situasi pandemik pada pertengahan 2021 yang menangguhkan pemulihan menyeluruh dalam sektor ekonomi, prestasi pasaran PE di Malaysia secara relatifnya lemah walaupun terdapat pertumbuhan dana dan peruntukan aset. Kini, kita dapat melihat pemulihan yang stabil dan kami bersedia untuk mengambil peluang yang bermanfaat yang sejajar dengan strategi pelaburan kami."

"Strategi pelaburan kami sememnagnya untuk jangka masa panjang. Nilai sebenar syarikat samar di dalam pasaran yang tidak menentu, oleh itu kami membuat keputusan untuk mengekalkan rizab tunai kami secara utuh walaupun terdapat peluang pelaburan yang sihat. Kami melaksanakan satu pelaburan susulan sebanyak RM11 juta dalam Orkim Sdn Bhd yang telah siap pada April 2021 untuk menyokong keperluan modal kerja syarikat serta membiayai kos permulaan kapal yang baru dibina. Dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu, kami akan memastikan operasi kami kemas dan teratur. Dalam pada itu, kami akan melaksanakan aktiviti penciptaan nilai, membina kecekapan yang lebih tinggi untuk memastikan syarikat portfolio kami kalis masa hadapan bagi menyokong pertumbuhan perolehan dan kami bersedia melupuskan beberapa pegangan kami untuk mengakhiri 2022 dengan jayanya, lantas mempercepatkan inisiatif realisasi bagi melahirkan prestasi dana yang kukuh."

"Kami melaksanakan langkah pengurusan kos untuk Al-Ihsan Sports Sdn Bhd, Revenue Valley Group dan Icon Offshore Bhd dan memacu pertumbuhan organik dan bukan organik yang ketara untuk Exabytes Capital Group dan Flexi Versa Group. Ekuinas juga meningkatkan proses penciptaan nilai untuk mengukuhkan dan menggerakkan perniagaan bagi peningkatan aspek operasi serta meningkatkan produk dan perkhidmatan bagi menyesuaikan diri dengan pasaran yang tidak menentu dan sukar diramal. Inisiatif tersebut berhasrat untuk meningkatkan pendigitalan melalui pengenalan pelbagai jenis sistem operasi dan papan pemuka pengurusan yang dicipta khas mengikut keperluan setiap syarikat portfolio. Kami telah menambah baik proses dalaman, mengukuhkan pertumbuhan dan perancangan mengembangkan Exabytes dan Medispec, menyokong penambahbaikan

platform e-dagang untuk Al-Ikhsan, meluaskan strategi perniagaan dalam kejuruteraan solar, pemerolehan, pembinaan dan pentaulahan (EPCC) untuk Davex dan meningkatkan pengalaman pelanggan di semua titik sentuh serta melancarkan konsep kiosk baharu untuk Revenue Valley.”

Pada TK2021, jumlah pelaburan terkumpul Ekuinas adalah RM4.4 bilion yang terdiri daripada 70 buah pelaburan meliputi 47 pelaburan langsung dan 23 program penyumberan luar yang seterusnya menjana jumlah penggunaan ekonomi sebanyak RM5.0 bilion, bersama-sama dengan rakan sektor swasta.

Dalam pada itu, dari segi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Ekuinas melalui ILTIZAM, terus membantu komuniti yang kurang berkemampuan melalui tiga teras - Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti - demi berkhidmat kepada masyarakat, mewujudkan pemulihian jangka panjang yang diperlukan untuk pertumbuhan sosial dan ekonomi. Disebabkan situasi pandemik, Ekuinas membuat peningkatan lompatan kuantum dalam peruntukannya untuk teras Keusahawanan daripada RM331,000 pada 2020 kepada RM8.9 juta pada 2021 untuk membantu perniagaan dan usahawan yang terjejas. Daripada jumlah ini, RM8.5 juta daripada dana itu memanfaatkan hampir 4,000 perniagaan kecil, mikro, asnaf, serta komuniti Bumiputera melalui program EMP Ihsan. TK21 melihat, pengagihan keseluruhan berjumlah RM17.5 juta oleh ILTIZAM dan ini telah memanfaatkan 14,000 individu yang terkesan. Ini menjadikan jumlah sumbangan Ekuinas terhadap CSR kepada RM68.3 juta sejak penubuhan ILTIZAM.

Mengulas mengenai prospek 2022, Syed Yasir berkata, “Ekuinas menjangkakan kita akan benar-benar bebas daripada penularan wabak ini pada tahun 2022. Kami menjangkakan bahawa aktiviti ekonomi akan bertambah baik untuk kebanyakan syarikat portfolio kami memandangkan ekonomi pulih secara stabil dan dengan pembukaan semula sempadan negara. Pada tahun 2021, pendigitalan merupakan tema yang memberi impak kepada Ekuinas kerana hampir semua syarikat portfolio kami menghadapi peningkatan pendigitalan sebagai teras kritikal dalam operasi perniagaan dan ia akan terus dijadikan panduan untuk kami maju ke hadapan.”

Satu lagi komponen utama yang akan memacu strategi pelaburan ialah penubuhan dan pelaksanaan rangka kerja prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau ESG bagi Ekuinas. Rangka kerja ESG membina asas yang kukuh bagi Ekuinas dalam impak sosial dan

tadbir urus untuk menerapkan budaya kemampanan di seluruh firma dan syarikat-syarikat

portfolio. Ciri-ciri ESG juga akan diambil kita dalam proses penilaian pelaburan. Ia akan menggariskan hala tuju yang jelas untuk pelaksanaan inisiatif ESG merentasi empat (4) tema kemampuan utama yang disandarkan pada tujuh (7) Matlamat Pembangunan Mampan yang diumumkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Untuk maklumat lanjut prestasi Ekuinas 2021, sila rujuk kenyataan bersama Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif di halaman 16 – 25 Laporan Tahunan 2021 yang juga boleh didapatkan di laman web Ekuinas, [www.ekuinás.com.my](http://www.ekuinás.com.my).

-Tamat-

**Mengenai Ekuiti Nasional Berhad**

Mengenai Ekuinas Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) merupakan syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang bertujuan untuk membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan. Objektif utama Syarikat adalah untuk menyampaikan nilai kewangan berdasarkan pelaburannya bagi memastikan objektif sosial dapat dicapai secara lestari.

Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam 70 syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik oleh Private Equity International (PEI) Awards bagi tahun 2018 dan 2019.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Sarah Zulkifli

Weber Shandwick

M: +6012 7989 447

E: [sarah.zulkifli@webershandwick.my](mailto:sarah.zulkifli@webershandwick.my)

Amira Amrang

Weber Shandwick

M: +6017 2883 711

E: [amira.amrang@webershandwick.my](mailto:amira.amrang@webershandwick.my)